

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada) yang boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya;

“**Bank**” adalah merujuk kepada **AmBank (M) Berhad** [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan **AmBank Islamic Berhad** (‘AmBank Islamic’) [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Cawangan Jalan Zabedah**” merujuk kepada alamat berdaftar di Ground Floor, No. 7 and 7-1, Jalan Zabedah, Bandar Pengaram, 83000 Batu Pahat, Johor.

“**Hari**” bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

“**Kempen**” adalah bermaksud kepada “**Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat bagi Cawangan Jalan Zabedah**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**ABP**” adalah bermaksud kepada individu prinsipal Aset Di Bawah Pengurusan dalam mana-mana Konvensional dan/atau Islamik deposit dan/atau pelaburan termasuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i + Akaun Semasa/Akaun Semasa-i + Deposit Tetap (DT)/Deposit Bertempoh (DB) + pelaburan termasuk Bancassurance/Bancatakaful (*Advisory*) yang dipegang dengan Bank.

“**AmSPB**” bermaksud kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

“**AmSPP**” bermaksud kepada AmBank SIGNATURE Priority Private.

“**Pelanggan Baru Prioriti**” bermaksud kepada ahli baru AmBank SIGNATURE Priority Banking atau AmBank SIGNATURE Priority Private di mana bukan ahli enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.

“**Minima Baki**” adalah merujuk kepada minima baki kredit positif bagi Akaun Utama di mana hendaklah dikekalkan oleh pelanggan AmSPB atau AmSPP.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit dan/atau pelaburan Bank sedia ada;
- (b) dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak;
- (c) Deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak.

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

“**Tempoh Bertenang**” bermaksud enam (6) hari berniaga yang diberikan kepada pelabur untuk mempertimbangkan semula jika mereka mahu meneruskan pelaburan mereka dalam dana-dana unit amanah/unit amanah Patuh Syariah terpilih dan ASNB atau sebaliknya. Pelanggan Yang Layak, yang melabur dalam Dana tertentu untuk kali pertama, berhak meminta bayaran balik bagi pelaburan beliau dalam Dana tersebut semasa tempoh bertenang seperti yang ditetapkan dalam setiap surat ikatan atau prospektus Dana berkenaan yang tidak harus kurang daripada enam (6) hari berniaga (“hari berniaga” adalah seperti takrifan dalam surat ikatan atau prospektus tersebut) dari tarikh permohonan dan amaun pelaburan diterima oleh syarikat pengurusan amanah saham (“Tempoh Bertenang”), dengan syarat notis pengeluaran sedemikian diterima oleh Bank tidak lewat dari masa penggalan yang berkenaan (yang akan ditentukan oleh Bank) pada Hari Urus Niaga dalam Tempoh Bertenang yang dinyatakan dalam surat ikatan atau prospektus yang berkenaan. Semua permintaan untuk bayaran balik akan tertakluk kepada Undang-Undang Terpakai serta terma dan syarat Pengurus atau Dana yang berkenaan.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan jantina neuter.

Istilah “**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah “**Syarikat Berkaitan**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegang atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegang kepada syarikat pertama.

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen akan **bermula pada 1 Julai 2024 dan berakhir pada 30 September 2024**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) dan Tempoh Kempen ini boleh diubah oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu.

3 Kelayakan

- 3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada Pelanggan Baru Prioriti dari AmBank/AmBank Islamic yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan menghantar permohonan di mana diterima oleh Bank berjaya mendaftar keahlian AmSPB atau AmSPP (“**Pendaftaran Berjaya**”) di Cawangan Jalan Zabedah di Bank dalam Tempoh Kempen (“**Pelanggan yang Layak**”).

4 Mekanik Kempen

- 4.1 Tertakluk kepada Clausa 4 dan Clausa 5 di bawah, Pelanggan yang Layak akan berhak bagi (“**Ganjaran Hadiah**”) berikut sekiranya Pelanggan yang Layak memenuhi syarat yang ditetapkan berikut:-

Untuk layak menerima Ganjaran Hadiah (seperti yang ditakrifkan selepas ini), Pelanggan yang Layak hendaklah melengkapkan dan menyerahkan borang pemenuhan kempen (“**Borang Pemenuhan**”) kepada Pengurus Perhubungan atau Pengurus Cawangan Bank semasa Tempoh Kempen.

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

Segmen	Syarat-syarat	Ganjaran Hadiah
Keahlian <i>Priority Banking</i>	<ol style="list-style-type: none"> Pendaftaran Berjaya keahlian AmSPB Pelanggan yang Layak semasa Tempoh Kempen; dan Pelanggan yang Layak haruslah mengekalkan minima ABP dengan Bank sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen bagi layak mendapatkan Ganjaran Hadiah; dan Pelanggan yang Layak membuat transaksi sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) di mana-mana Produk yang Layak (seperti yang ditakrifkan selepas ini) semasa Tempoh Kempen bagi layak mendapatkan Ganjaran Hadiah. 	Satu (1) unit <i>Gold Art Frame</i> bernilai Harga Runcit sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sembilan Puluh Lapan (RM398) seunit
	<ol style="list-style-type: none"> Pendaftaran Berjaya keahlian AmSPB Pelanggan yang Layak semasa Tempoh Kempen; dan Pelanggan yang Layak haruslah mengekalkan minima ABP dengan Bank sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen bagi layak mendapatkan Ganjaran Hadiah. 	Satu (1) unit <i>Apple Air Tag</i> bernilai Harga Runcit sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Empat Puluh Sembilan (RM149) seunit
Keahlian <i>Priority Private</i>	<ol style="list-style-type: none"> Pendaftaran Berjaya AmSPP Pelanggan yang Layak semasa Tempoh Kempen; dan Pelanggan yang Layak haruslah mengekalkan minima ABP dengan Bank sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00) atau bersamaan pada tamat Tempoh Kempen bagi layak mendapatkan Ganjaran Hadiah; dan Pelanggan yang Layak membuat transaksi sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000.00) di mana-mana Produk yang Layak (seperti yang ditakrifkan selepas ini) semasa Tempoh Kempen bagi layak mendapatkan Ganjaran Hadiah. 	Satu (1) unit <i>24K Gold Leaf Luxury Body Care Series Gift Set</i> bernilai Harga Runcit sebanyak Ringgit Malaysia Empat Ratus dan Sembilan (RM409) seunit

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

- 4.2 Caj jualan / *margin* sekurang-kurangnya 1% akan dikenakan ke atas jumlah transaksi yang terpakai untuk semua transaksi dalam Produk yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4.3 yang dibuat di bawah Kempen ini melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank.
- 4.3 Produk Pengurusan “Wealth” yang Layak (“**Produk yang Layak**”) di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
- i. Amanah Saham / Amanah Saham Patuh Syariah
 - ii. Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah (ASNBV)
 - iii. Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Tetap (ASNBF)
 - iv. Bon / Sukuk
 - v. Produk Berstruktur
 - vi. Pelaburan Dwi Mata Asing
 - vii. “Bancassurance” / Bancatakaful

Nota:

1. Jumlah amaun pelaburan haruslah dikira semasa pelaburan dibuat di mana termasuk sebarang transaksi “Tempoh Bertenang”/ dibatalkan.
 2. Dalam kes pelaburan mata wang asing, pertukaran mata wang asing semasa akan ditentukan berdasarkan kadar lazim yang ditentukan oleh Bank.
 3. Untuk penyerahan Bancaassurance/ Bancatakaful Life, jumlah transaksi minimum yang diluluskan hendaklah merujuk kepada Premium/Caruman Baharu Tahunan (ANP/C).
- 4.4 Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian dalam Kempen ini adalah tidak layak untuk mana-mana promosi yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.5 Semua deposit mestilah dalam bentuk **Dana Baharu sahaja**.
- 4.6 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

5 Hadiah

- 5.1 Jumlah Ganjaran Hadiah bagi Kempen ini adalah terhad seperti berikut dan ia akan dihadiahkan berdasarkan “**Siapa Cepat Dia Dapat**”.

Ganjaran Hadiah	Jumlah Unit
<i>Gold Art Frame</i>	22
<i>Apple Air Tag</i>	172
<i>24K Gold Leaf Luxury Body Care Series Gift Set</i>	79

- 5.2 Tertakluk kepada klausa 4.2 dan 5.1, Pelanggan yang Layak akan berhak untuk menuntut Satu (1) Ganjaran Hadiah sahaja dalam Tempoh Kempen ini.
- 5.3 Bank berhak untuk mengubah atau menukar Ganjaran Hadiah ke sebarang bentuk Ganjaran Hadiah dan Pelanggan yang Layak akan diberitahu dengan Notis Terdahulu.
- 5.4 Ganjaran Hadiah akan dihantar ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan di dalam Borang Pengisian Kempen dalam tempoh Sembilan Puluh (90) hari bekerja dari tarikh Tempoh Kempen tamat.

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

- 5.5 Sekiranya mana-mana Ganjaran Hadiah tidak dituntut selepas Dua (2) minggu atau setelah Dua (2) percubaan penghantaran gagal, mana yang berlaku terdahulu, Pelanggan yang Layak mesti mengumpul Ganjaran Hadiah secara peribadi di alamat yang dinyatakan pada pemberitahuan kurier yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak. Jika tidak, caj penghantaran untuk Ganjaran Hadiah haruslah dibayar oleh Pelanggan yang Layak seperti yang dinyatakan di klausa 5.10 dibawah.
- 5.6 Sebarang Ganjaran Hadiah yang tidak dituntut Enam (6) minggu selepas tarikh penghantaran awal akan dilucutkan. Pelanggan yang Layak yang Hadiah Ganjarannya telah dilucutkan tidak berhak mendapat pembayaran atau pampasan.
- 5.7 Gold Art, Apple dan Mandarin bukanlah peserta atau penaja bagi Kempen ini.
- 5.8 Ganjaran Hadiah adalah diberikan di atas dasar sedia ada (termasuk kesahihan waranti) dan tidak boleh ditukar atau dipindahmilik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. Ganjaran Hadiah yang dipaparkan di laman sesawang promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza mengikut pengeluaran yang Bank terima dari pengedar/pengilang.
- 5.9 Pemenuhan dan penghantaran hadiah diuruskan oleh JCMS ProRewards Sdn Bhd (“**JCMS**”) yang beralamat berdaftar di 19 Jalan 51/203A, Seksyen 51, Kawasan Perindustrian Tiong Nam, 46050 Petaling Jaya, Selangor. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan supaya maklumat peribadi mereka iaitu nama, nombor telefon dan alamat surat-menyurat mereka diberikan kepada JCMS untuk tujuan penghantaran hadiah.
- 5.10 Apabila menerima Ganjaran Hadiah tersebut, Pelanggan yang Layak hendaklah membuat pemeriksaan kualiti Ganjaran Hadiah tersebut dan Pelanggan yang Layak perlu berurusan secara langsung dengan pengilang berdasarkan waranti produk bagi sebarang penggantian, kerosakan atau kecacatan.
- 5.11 Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos penghantaran, caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali ketiga. Bank hanya bertanggungjawab untuk kos penghantaran, caj perkhidmatan, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali pertama dan kedua sahaja.
- 5.12 Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Ganjaran Hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti Ganjaran Hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penggantian, hilang, dicuri atau rosak bagi Ganjaran Hadiah tersebut. Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualan yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.

6 Kehilangan Kelayakan

- 6.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- 6.1.1 Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
- 6.1.2 Pelanggan yang Layak tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.
- 6.2 Semua kakitangan jualan dan perkhidmatan yang tag di bawah Agihan Runcit, Cawangan Runcit & Segmen Pengguna dan Analisis Runcit **ADALAH TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini.

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

7 Liabiliti

- 7.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaruan atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

8 Umum

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini, di mana akan dibaca bersama dengan:

- a) Terma dan Syarat Am untuk Akaun dan Perkhidmatan;
- b) Terma dan Syarat Khusus untuk Deposit Bertempoh Berasaskan Murabahah Komoditi (terpakai untuk DB sahaja);
- c) Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Semasa-i atau Simpanan-i Berasaskan Murabahah Komoditi (terpakai untuk CASA-i sahaja); dan
- d) Pengisytiharan dan Terma dan Syarat untuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan/atau Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i melalui elektronik (AmOnline)
- e) Terma Dan Syarat Yang Terpakai – Amanah Saham, Pelaburan Produk Berstruktur & Bon/Sukuk

Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk laman web rasmi Bank di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan dalam Kempen ini mewakili penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara semua Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai berhubung dengan Kempen ini.

- 8.1 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 8.2 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.3 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau dipaparkan di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 8.5 Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 8.6 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.

Terma dan syarat
Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE Tawaran Pembukaan Pusat
bagi Cawangan Jalan Zabedah
Tempoh Kempen: 1 Julai 2024 sehingga 30 September 2024

- 8.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku sebarang kejadian Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada sebarang kejadian yang tidak dijangka dan/atau keadaan yang tidak berada dalam kawalan munasabah Bank, yang mana Bank tidak dapat menghalang, mengelak atau mengalih keluar termasuk bencana alam seperti banjir, taufan, taufan, ribut, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, kunci luar, gangguan perindustrian, rusuhan, peperangan, setiap satunya adalah di luar kawalan mana-mana Pihak atau peristiwa, keadaan atau keadaan lain yang serupa yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 8.8 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 8.9 Terma dan syarat versi Bahasa Inggeris juga disediakan di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>.
- 8.10 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 8.11 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 (Isnin – Jumaat, 7.00a.m sehingga 11.00p.m.) atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com.